

## FAKTOR DAN HIKMAH POLIGAMI RASULULLAH S.A.W

NUR DIANAH BINTI BURHANUDDIN  
*nurdianah1991@gmail.com*

WAN RAMIZAH BINTI HASAN  
*wanramizah@kuis.edu.my*

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

HASAN BIN JALI  
*hasan@jadypm.edu.my*

### ABSTRAK

*Isu poligami merupakan perkara yang telah lama diperbincangkan oleh para ahli sarjana. Namun, belum menemukan solusi yang paling tepat dan sesuai terhadap pengamalannya, menyebabkan masalah ini masih diperdebatkan sehingga ke hari ini. Oleh itu, penulisan ini bertujuan mengenalpasti faktor dan hikmah poligami yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w samada ia untuk kepentingan individu yang melakukannya atau memberi faedah kepada masyarakat dan umat Islam keseluruhannya. Metod yang digunakan dalam tulisan ini ialah secara analisis kandungan iaitu dengan meneliti ayat-ayat al-Quran dan hadis berkaitan poligami Baginda s.a.w. dalam kitab-kitab tafsir dan hadis. Kajian mendapati ada empat faktor dan hikmah dari pernikahan ini iaitu dari segi pendidikan, pensyariatan, sosial dan politik. Dari aspek pendidikan, poligami menjadikan ummu al-mu'minin sebagai guru bagi kaum wanita. Poligami juga membatalkan beberapa adat jahiliah yang mungkar seperti larangan menikahi isteri kepada anak angkat dan ini adalah dari aspek pensyariatan. Antara contoh hikmah poligami dari aspek sosial adalah perkahwinan Baginda s.a.w dengan anak Abu Bakar al-Siddiq dan dengan anak Umar al-Khattab. Dari aspek politik poligami dilakukan Rasulullah s.a.w adalah bertujuan melembutkan hati-hati pimpinan dan kabilah. Justeru, dengan memahami faktor dan hikmah poligami Rasulullah s.a.w. dapat menjawab segalan tuduhan sesetengah pihak yang benci pada Islam sekaligus menjadi rujukan bagi umat Islam yang ingin menikah lebih daripada seorang.*

**Kata kunci : Poligami, faktor, hikmah, al-Quran, Hadith**

### 1. Latar Belakang Kajian

Isu poligami merupakan perkara yang telah lama diperbincangkan oleh para ahli sarjana. Namun belum menemukan solusi yang paling tepat dan sesuai terhadap pengamalannya, menyebabkan masalah ini masih diperdebatkan sehingga ke hari ini, bagitu juga dengan faktor dan hikmah poligami. Oleh itu, dalam kajian ini penulis berusaha mencari jalan keluar yang sesuai mengikut kaedah syariat Islam sepertimana pengamalan yang dilakukan Baginda SAW. Secara khusus, syarat poligami dalam al-Quran adalah adil dan mampu dari segi nafkah. Adil dalam masalah poligami diertikan sebagai kemampuan seseorang suami untuk menyamaratakan kepada para isteri memberi nafkah, masa berkumpul, dan menginap.

Konteks adil bukan pada kasih sayang, cinta, dan kecenderungan hati. Kerana hal tersebut tidak ada seorang yang mampu dan sulit untuk diukur.<sup>1</sup>

Realiti kehidupan masyarakat kini sedikit sebanyak telah terkeliru dalam memahami dan mengamalkan poligami sehingga mengabaikan unsur-unsur penting yang sepatutnya dilakukan. Jadi poligami dijadikan isu kerana banyak amalannya yang tidak selari dengan sunnah Nabi SAW.

Ada beberapa buku yang diterbitkan seakan menolak poligami, seperti tulisan Ustaz Anshorie Fahmie 'Siapa bilang poligami itu sunnah?'. Dalam facebook dengan nama Asiah 'Abd Jalil bahkan secara terang meminta poligami dihapuskan. "Amalan poligami patut dihapuskan. Walaupun dibenarkan dalam al-Quran, kerana ia sudah tidak sesuai dengan konstruk sosial masyarakat zaman sekarang", tulisnya. Dalam satu akhbar harian terkenal Sinar Harian dengan tarikh 22/6/2011 di muka surat depan ditulis dengan gambar dan tulisan besar 'Insentif Poligami'. Insentif ini diberikan oleh negeri Kelantan bagi suami yang berpoligami tetapi tidak menyembunyikan pernikahannya dari isteri pertamanya.

Dalam kajian ini, penulis berusaha untuk mengkaji faktor dan hikmah di sebalik poligami Rasulullah s.a.w terhadap isteri-isteri Baginda yang terdapat dalam kitab *Rawai al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran* karya Muhammad Ali al-Sabuni supaya dapat menjawab segala keraguan tentang ajaran poligami yang sebenar, sehingga menjadi ikhtibar kepada lelaki yang akan berpoligami supaya dapat mencontohi akhlak Rasulullah SAW dan mencapai matlamat pernikahan yang sesungguhnya.

## 2. Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang hendak dicapai oleh kajian ini, iaitu:

- 2.1 Mengenal pasti Sejarah Dan Konsep Pensyariatian Poligami Menurut Islam
- 2.2 Mengenal Pasti Faktor-Faktor Terjadinya Poligami
- 2.3 Menganalisis Kesan Hikmah Poligami Rasulullah SAW

## 3. Metodologi Kajian

Kajian atau penyelidikan ini adalah berbentuk perpustakaan atau *libarry research*. Ia berasaskan kepada kaedah maktabi (perpustakaan) dimana pencarian maklumat dan data lebih tertumpu kepada bahan-bahan bercetak terutamanya kitab-kitab dan teks klasik.

Dalam pengkategorian yang lebih spesifik, kajian ini juga dapat dikelaskan sebagai *content analysis*. Analisis kandungan adalah salah satu kajian analisis terhadap istilah-

---

<sup>1</sup> Azwarfajri. (2011). *Keadilan Berpoligami dalam Persepektif Psikologi*. Jurnal Substantia, Vol. 13. No. 2. 164

istilah, teks-teks, frasa-frasa, konsep-konsep dan seumpamanya yang terkandung dalam bahan-bahan bercetak seperti buku, kitab, jurnal, akhbar, laporan bertulis dan seumpamanya dan ataupun bahan elektronik seperti rancangan televisyen, radio, cakera padat dan seumpamanya. (Ole R. Holsti (1969), Robert Philip Weber (1990)

## 40 Sejarah Dan Konsep Pensyariatian Poligami Menurut Islam

### 4.1 Sejarah Pensyari'atan Poligami Rasulullah SAW

Poligami merupakan sistem yang manusiawi, kerana dapat meringankan beban masyarakat iaitu dengan melindungi wanita yang tidak bersuami dan menempatkannya ke saf para isteri yang terpelihara dan terjaga. Dr. Yusuf Al-Qardhawi mengatakan, “Pada hakikatnya apa yang dilakukan oleh Barat pada hari ini dengan segala bentuk perzinaan yang mereka lakukan, tidak lain adalah salah satu bentuk poligami juga, meski tidak dalam bentuk formal. Atau dengan kata lain, poligami liar.”

Poligami pada masa pra-Islam, sudah menjadi sebuah kebiasaan dan budaya. Maka Islam datang dengan membawa pencerahan untuk menghadkan praktek poligami tersebut. Pengutusan Nabi Muhammad SAW ke dunia membawa sinar Islam seterusnya mengangkat martabat kaum wanita. Dalam masalah poligami, agama Islam tidak menerima dan mengikut cara poligami yang diketahui oleh peradaban lama, tetapi memberikan penentuan yang tidak diketahui sebelumnya serta menyusun dan menghadkan kemutlakan cara lama itu.

Di akhir tahun ke-8 Hijrah,<sup>2</sup> turun ayat al-Quran, iaitu ayat yang menentukan pengharusan poligami setakat empat orang sahaja. Surah An-Nisa' ayat 3 yang bermaksud;

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي آلِيَتَيْهِ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ  
وَرُبْعًا فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا  
تَعُولُوا ﴿٣﴾

Ertinya: “Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yatim (bilamana kamu mengahwininya), maka kahwinlah wanita-wanita (lain) yang kamu senang; dua, tiga atau empat. Kemudian, jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang sahaja, atau budak-budak yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya.”

(QS An-Nisa', ayat 3)

---

<sup>2</sup> Muhammad Bagir al-Habsyi. (2005). *Fiqh Praktis Menurut Al-Qur'an dan as-Sunah dan Pendapat Para Ulama*. Bandung: Mizan Media Utama, 90.

Ketika Islam datang dibawa oleh Rasulullah al-Amin, untuk menyampaikan rahmat bagi alam semesta, maka Islam tidak melarang poligami, dengan begitu saja dan tidak pula membiarkan poligami secara bebas. Islam datang dan menghadkan poligami maksimal hanya empat isteri saja. Diriwayatkan oleh Imam Bukhari rahimahullahu dengan sanadnya bahawa Ghaylan ats-Tsaqofi masuk Islam sedangkan dirinya memiliki 10 orang isteri.<sup>3</sup>

Diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud rahimahullahu (no.2241. juzu' 2.hlm 272) dengan sanadnya bahawa 'Umairah al-Asadi berkata :<sup>4</sup>

قَالَ وَهَبُ الْأَسَدِيِّ قَالَ: أَسَلَمْتُ وَعِنْدِي ثَمَانُ نِسْوَةٍ، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،  
فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «اخْتَرِي مِنْهُنَّ أَرْبَعًا»

"Aku masuk Islam dan aku memiliki 8 orang isteri, lalu aku sampaikan hal ini kepada Nabi dan beliau pun bersabda: "pilihlah empat diantara mereka."

Poligami pada masa Rasulullah SAW dijadikan sebagai cerminan poligami dalam Islam. Pada dasarnya alasan Nabi Muhammad SAW berpoligami bersifat mulia iaitu untuk menolong janda-janda dan anak yatim untuk berjuang di jalan Allah dan beliau mengamalkan monogami lebih lama daripada poligami. Rasulullah s.a.w tidak melakukan poligami ketika menyandang status suami dari Siti Khadijah r.a. Pernikahan monogami Rasulullah SAW berlangsung selama kurang lebih 25 tahun (ada sebagian riwayat yang mengatakan hingga 28 tahun). Bandingkan dengan 13 tahun Rasulullah SAW melakukan poligami.

Pernikahan poligami dilakukan Rasulullah SAW ketika berusia 50 tahun, yang secara psikologis hasrat seksualnya sudah jauh berkurang dibandingkan lelaki berusia 25 tahun. Belum lagi fakta yang menyatakan bahawa hanya Aisyah-lah satu-satunya isteri Rasulullah s.a.w yang dara. Manakala yang lain adalah janda-janda.<sup>5</sup>

Dari pada huraian singkat kesejarahan di atas, dapat disimpulkan bahawa Rasulullah s.a.w lebih memilih untuk beristeri satu seperti yang dicontohkan beliau dalam pernikahannya bersama Siti Khadijah r.a. Lagi pula, terdapat riwayat bahawa Rasulullah SAW melarang menantunya, Ali bin Abi Thalib r.a untuk mempoligami anaknya Fatimah r.a.<sup>6</sup>

#### 4.2 Konsep Poligami Menurut Syari'at Islam

Syeikh Muhammad Abduh mengungkapkan bahawa syariat Nabi Muhammad SAW telah memperbolehkan seorang lelaki untuk menikah dengan empat wanita apabila

---

<sup>3</sup> Abu Salma al-Atsari. (2007). *Poligami Dihujat Jawaban Rasional Bagi Para Penghujat Syariat Dan Sunnah Para Nabi*. 21 November. <http://dear.to/abusalma>.

<sup>4</sup> Abi Daud. T.t. *Sunan Abi Daud*. Al- maktabah Al-Ashriyah. Bairut. Juzu' 2. Hlm: 272

<sup>5</sup> Abu Salma al-Atsari. (2007). *Ibid*

<sup>6</sup> Abu Salma al-Atsari. (2007). *Ibid*

lelaki tersebut telah mampu berlaku adil kepada para wanita tersebut. Namun di saat seorang lelaki merasa ia tidak akan mampu berbuat adil maka ia hanya boleh menikah hanya dengan seorang wanita saja sebagaimana disebut dalam surat an-Nisa ayat 3 di atas.

Perkahwinan adalah jembatan bagi pasangan suami dan isteri untuk meraih ketenangan,<sup>7</sup>cinta dan kasih sayang. Sebagaimana yang disebutkan oleh ayat al-Qur'an:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu istri-istri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berpikir.” ( Qs. Ar-Rum:21 )

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ  
مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu istri-istri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berpikir”

Perkahwinan juga merupakan sarana untuk mengendalikan dan menyalurkan kebutuhan seks. Perkahwinan dapat mencegah perzinahan. Imam Shadiq r.a berkata, “Sesungguhnya orang yang paling dahsyat azabnya pada hari kiamat adalah yang meletakkan nutfahnya dalam rahim yang haram baginya (zina)”. Sebagaimana perkahwinan adalah sebuah lembaga yang dapat menyelesaikan banyak masalah social.<sup>8</sup>

Poligami juga demikian. Poligami adalah isyarat Islam yang merupakan sunnah Rasulullah SAW tentunya dengan syarat sang suami memiliki kemampuan untuk adil diantara para isteri. Sebagai mana pada (QS.An-Nisa: 3)

Namun dalam ayat yang lain Allah menegaskan bahawa sifat adil itu adalah susah dilakukan oleh lelaki yang berpoligami. Perkara ini disebutkan dalam al-Quran: (QS.An-Nisa:129).

---

<sup>7</sup> Hari Anggara. (2013). *Perkahwinan Poligami*. UII: Yogyakarta. 21 November. <https://harianggarahamdan.wordpress.com>.

<sup>8</sup>Hari Anggara. (2013). *ibid*

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ ۖ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمَيْلِ  
فَتَذَرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ ۚ وَإِنْ تُصْلِحُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٣﴾

“Dan kamu sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara istri-istri (mu), walaupun kamu sangat ingin berbuat demikian, karena itu janganlah kamu terlalu cenderung (kepada yang kamu cintai), sehingga kamu biarkan yang lain terkatung-katung. Dan jika kamu mengadakan perbaikan dan memelihara diri (dari kecurangan), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

Berkahwin lebih dari satu adalah pilihan. Ibnu Katsir (2004) dalam tafsirnya mengatakan jika kamu mahu berkahwin dua atau tiga atau empat boleh jika kamu berkehendak. Jadi empat adalah bilangan paling banyak lelaki yang mahu berkahwin. Sebab, andaikata Allah membolehkan berkahwin lebih dari empat, maka Allah akan menyebutkannya.<sup>9</sup>

### 4.3 Hukum Poligami Menurut Islam

Hukum asal poligami yang dipegang oleh jumah ulama ialah harus. Syeikh Muqbil bin Hadi Al-Wadi'i pernah ditanya tentang hukum poligami, apakah sunnah? Beliau menjawab: “Bukan sunnah, akan tetapi hukumnya jaiz (boleh)”.<sup>10</sup>

Hukum poligami dalam feqah Syafi'e mengikut Kitab *al-Fiqhul Manhaji*, Kitab Fiqh Mazhab Syafie menerangkan bahawa hukum asal poligami adalah harus (bukannya sunnah). Namun, hukum asal poligami boleh berubah menjadi sunat, makruh atau haram berdasarkan suasana dan keadaan individu yang ingin berpoligami, sebagaimana berikut:

#### 4.3.1 Makruh

Sekiranya poligami itu bukan kerana keperluan tetapi hanya untuk menambahkan keseronokan semata-mata dan dia meragui syak kemampuannya untuk berlaku adil terhadap isteri-isterinya. Hukum poligami ketika ini adalah makruh. Ini disebabkan oleh perkahwinan itu boleh memberikan kemudahan kepada isteri-isterinya. Sabda Nabi s.a.w: “Tinggalkanlah perkara yang meragukan kamu kepada perkara yang tidak meragukan kamu.” Jika dilaksanakan, akad nikahnya adalah sah namun ia tidak disukai oleh Allah SWT.

---

<sup>9</sup> Ibnu Kathir. 2004. *Tafsir al-Quran al-`Azim*. Jilid Kesatu. Riyadh: Dar al-Salam li al-Tasyri` wa al-Tawzi`. h. 624

<sup>10</sup> Fatimah Syarha. (2011). *Apakah beza hukum poligami*. <http://www.fatimahsyarha.com>. 28 November 2017.

### 4.3.2 Sunat

Apabila seseorang lelaki memerlukan isteri yang lain. Contohnya beliau tidak cukup dengan beristeri satu atau isteri pertamanya sakit atau mandul sedangkan beliau amat mengkehendaki anak dan dia berasa mampu berlaku adil terhadap isteri-isterinya, hukum poligami ketika itu adalah sunat.

### 4.3.3 Haram

Jika seseorang lelaki yang ingin berpoligami merasa *zhan* atau yakin dia tidak mampu berlaku adil terhadap isterinya mungkin disebabkan oleh kemiskinan atau kerana kelemahannya atau dirinya tidak yakin dia dapat mengawal kecenderungan dan sifat prejudisnya, hukum poligami ketika itu ialah haram kerana ia akan memberi mudarat kepada orang lain. Pelakunya adalah berdosa meskipun akad nikahnya dikira sah. Sabda Nabi SAW: “Tidak ada kemudharatan dan tidak boleh melakukan kemudharatan.”<sup>11</sup>

### 4.3.4 Harus

Hukum harus ini adalah suatu hukum yang melentur. Ulama' biasanya tidak suka berlebih-lebihan bahkan berhati-hati dalam perkara harus. Mereka sentiasa menyedari bahawa hak mengharamkan atau menghalalkan sesuatu adalah hak mutlak Allah s.w.t tidak boleh sewenang-wenangnya mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram melibatkan perkara harus. Apapun hukum harus ini sejak awal bersifat boleh berubah, terbuka kepada pilihan, terbuka kepada pandangan ulama dan pemerintah samaada untuk dilaksanakan atau tidak, sama ada untuk diberatkan atau diringkankan, sama ada untuk diharamkan dengan pengharaman yang bersifat sementara atau diharuskan dengan syarat-syaratnya. Ia bergantung kepada mana yang lebih banyak mendatangkan maslahat. Ini semua perlukan ijtihad ulama dan pandangan pemerintah.

Contoh-contoh yang banyak dapat diriwayatkan pada zaman pemerintahan Umar al-Khattab. Beliau pernah melarang rakyatnya menyembelih haiwan dalam satu tempoh waktu atas masalah perlu memastikan haiwan itu tidak kehabisan. Haiwan itu diberi peluang mengawan dan membiak. Tindakan ini tidak dianggap mengharamkan yang halal kerana pengharamannya bersifat sementara, tidak abadi.

## 4.4 Syarat dan Rukun dalam berpoligami

Rukun dan syarat pernikahan berpoligami secara umum sama dengan rukun dan syarat pernikahan pertama yang disyariatkan dalam Islam. Namun, ada beberapa syarat yang ditambahkan yang wajib dipenuhi ketika ingin menunaikan poligami. Sebab, keduanya sama-sama pernikahan yang disyariatkan dalam Islam. Jadi, ketika seseorang berpoligami, dia wajib memenuhi rukun dan syarat tersebut, ditambah beberapa syarat yang disebutkan oleh para ulama yang akan kami sebutkan. Para ulama menyebutkan ada beberapa syarat yang Allah SWT dalam al-Qur'an ketika

---

<sup>11</sup>Fatimah Syarha. (2011). *Ibid*

seorang lelaki hendak berpoligami, dan syarat lainnya yang disebutkan dalam hadits Rasulullah s.a.w iaitu:

1. Jumlah isteri yang paling banyak dikumpulkan adalah empat, tidak boleh lebih.
2. Dia dapat berbuat dan berlaku adil di antara para isteri.
3. Adanya kemampuan jasmani dan nafkah dalam bentuk harta.

## **5. Faktor-Faktor Terjadinya Poligami**

Menurut Abu Azzam Abdillah,<sup>12</sup> banyak faktor yang sering memotivasi seorang lelaki untuk melakukan poligami. Selama dorongan tersebut tidak menyimpang dari ketentuan syariat, tentu tidak ada cela dan larangan untuk melakukannya. Berikut ini beberapa faktor utama yang menjadi pertimbangan kaum lelaki dalam melakukan poligami, iaitu:

### **5.1 Faktor-Faktor Biologis.**

- Diantara sebab faktor ini adalah isteri yang sakit. Adanya seorang isteri yang menderita suatu penyakit yang tidak memungkinkan baginya untuk melayani hasrat seksual suaminya.
- Kemudian hasrat seks yang tinggi. Sebagian kaum lelaki memiliki gairah dan hasrat seksual yang tinggi, sehingga baginya satu isteri dirasa tidak cukup untuk menyalurkan hasratnya tersebut.
- Selain itu adanya masa-masa haid, kehamilan dan melahirkan, menjadi alasan utama seorang wanita tidak dapat menjalankan salah satu kewajiban terhadap suaminya. Jika suami dapat bersabar menghadapi kondisi seperti itu, tentu tidak akan menjadi masalah. Tetapi jika suami termasuk orang yang hasrat seksnya tinggi, dikhawatirkan sang suami tidak dapat menjaga diri, maka poligami dapat menjadi pilihannya. Sebab lain kerana masa subur lelaki lebih lama. Kaum lelaki memiliki masa subur yang lebih lama dibandingkan wanita.

### **5.2 Faktor dalaman rumah tangga.**

- Diantaranya kerana kemandulan/ketidaksuburan. Banyak kasus perceraian yang dilatarbelakangi oleh masalah kemandulan, samada kemandulan yang terjadi pada suami mahupun yang dialami isteri. Hal ini terjadi kerana keinginan seseorang untuk mendapat keturunan merupakan salah satu tujuan utama pernikahan dilakukannya. Dalam kondisi seperti itu, seorang isteri yang bijak dan salihah tentu akan berbesar hati dan reda bila sang suami menikahi wanita lain yang dapat memberikan keturunan.
- Selain itu, Isteri yang lemah. Ketika suami mendapati isterinya dalam keadaan serba terhad, tidak mampu menyelesaikan tugas-tugas rumahtangganya dengan baik, tidak dapat mengarahkan dan mendidik anak-anaknya, lemah

---

<sup>12</sup> Sri Retnaningsih, dkk. (2011). *Poligami Menurut Persepektif Islam*. Makalah. pdf

wawasan ilmu dan agamanya, serta bentuk-bentuk kekurangan lainnya. maka pada saat itu, kemungkinan suami mencari calon isteri lain yang dianggapnya lebih baik.

- Sebab lain adalah kepribadian yang buruk. Isteri yang tidak pandai bersyukur, banyak menuntut, boros, suka berkata kasar, pemaarah, tidak mahu menerima nasihat suami dan selau ingin menang sendiri, biasanya tidak disukai suami. Oleh kerananya, tidak jarang suami yang mulai berfikir untuk menikahi wanita lain yang dianggap lebih baik dan lebih salehah, apalagi jika watak dan karakter buruk isteri tidak dapat diperbaiki lagi.

### **5.3 Kemampuan Ekonomi**

Kesuksesan dalam bisnis dan perekonomian seseorang sering menumbuhkan sikap percaya diri dan keyakinan akan kemampuannya menghidupi isteri lebih dari satu.

### **5.4 Faktor Sosial**

- Sebagian pendapat juga mengatakan bahawa harapan hidup kaum wanita, lebih panjang daripada harapan hidup kaum lelaki, perbezaannya berkisar 5-6 tahun. Sehingga tidak hairan jika lebih banyak suami yang lebih dahulu meninggal dunia, sedangkan isteri harus hidup menjanda dalam waktu yang sangat lama, tanpa ada yang melindungi, dan tiada yang memberi nafkah secara layak. Ada juga kerana berkurangnya jumlah lelaki.
- Dampak paling nyata yang ditimbulkan akibat banyaknya jumlah kematian pada kaum lelaki adalah semakin bertambahnya jumlah perempuan yang kehilangan suami dan terpaksa harus hidup menjanda. Lalu siapakah yang akan bertanggung jawab membimbing, memberi perlindungan dan memenuhi nafkah lahir dan batinnya, jika mereka terus menjanda? solusinya tida lain, kecuali menikah lagi dengan seorang jejaka, atau duda, atau memasuki kehidupan poligami dengan lelaki yang telah beristeri. Itulah solusi yang lebih mulia, halal dan baradab. Sebab lain adalah lingkungan dan tradisi. Seorang suami akan tergerak hatinya untuk melakukan poligami, jika ia hidup di lingkungan atau komuniti yang memelihara tradisi poligami.

## **6. KESAN HIKMAH POLIGAMI RASULULLAH SAW**

Poligami dari perjalanan historisnya, Poligami bukan merupakan praktek yang dikenalkan oleh Islam pertama kali. Namun poligami merupakan praktek yang telah berlangsung semenjak zaman dahulu, setua dengan tuanya usia peradaban manusia, bahkan merupakan ada dan budaya yang telah diamalkan ketamudan barat dan juga ketamudan timur.<sup>13</sup>

---

<sup>13</sup> Muhammad Bagir al-Habsyi. 2005. *Fiqih Praktis Menurut Al-Qur'an dan as-Sunah, dan Pendapat Para Ulama*. Bandung: Mizan Media Utama.hlm. 90.

Untuk menjawab tohmahan-tohmahan dari pihak yang membencikan syariat islam mengenai poligami rasulullah, maka penulis berkeinginan untuk memberi kefahaman kepada umat islam menurut pandangan ulamak kontemporari yang bermadzhab sunni, iaitu syekh Muhammad Ali al-Sabuni mengenai Kesan Hikmah Poligami Rasulullah SAW dalam kitabnya *Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran* yang meliputi 4 aspek niali kehidupan masyarakat, iaitu:

### **6.1 Hikmah Dakwah Dari aspek Pendidikan**

Diantara tujuan asas dari poligami Rasulullah SAW adalah menjadikan isteri-isterinya sebagai guru bagi kaum wanita. Mereka mengajar hukum-hukum syariat. Oleh kerana perempuan merupakan sebahagian dari masyarakat, dimana mereka mempunyai kewajipan yang sama sepertimana dalam lelaki. Maka, mereka perlu mengetahui hukum-hukum yang berkaitan dengan perempuan.<sup>14</sup>

Ramai perempuan pada zaman dahulu malu untuk bertanya secara langsung kepada Baginda SAW tentang hukum syariat, terlebih yang berkait rapat dengan urusan perempuan, seperti haid, nifas, mandi junub, perkara yang berkait dengan isteri dan lain sebagainya. Sekalipun masalah banyak yang ingin dipertanyakan, tapi atas sebab rasa malu yang tinggi, mereka pun tidak berani berjumpa Rasulullah SAW secara langsung.

Hakikatnya, Nabi SAW mempunyai rasa malu yang tinggi juga, sepertimana diriwayatkan dalam hadith-hadith Nabi. Maka oleh itu, Baginda tidak mampu menjawab semua soalan-soalan yang ditanyakan kepadanya dengan sempurna, bahkan dalam sesetengah keadaan beliau menggunakan kiasan, dan mungkin beberapa perempuan kurang faham terhadap kiasan Baginda tersebut.

Sayyidah Aisyah RA meriwayatkan bahawa ada perempuan dari kaum Ansar bertanya kepada Baginda tentang mandi sebab haid, maka Rasulullah SAW mengajarnya bagaimana mandi yang sepatutnya. Kemudian Baginda berkata kepada perempuan tersebut; 'ambil sedikit dari kapas, dan bersihkanlah dengannya. Perempuan tu bertanya lagi; 'bagaimana aku nak mensucikannya? Nabi menjawab; sucikan dengan itu. Dia bertanya lagi; bagaimana wahai Rasulullah cara saya nak bersuci dengannya. Nabi menjawab; *Subhanallah*, sucikanlah dengan itu.

Maka kemudian Aisyah berkata; 'Aku mengambil kapas itu dari tangannya, dan aku berkata; 'letakkan di tempat ini dan ini dan sapukanlah di atas bekas darahnya, kemudian perempuan itu menjadi jelas dimana dan cara menggunakan kapas tersebut. Nabi SAW sendiri malu kalau menerangkan kaedah yang terperinci sepertimana disampaikan Aisyah tersebut.

Demikianlah segelintir perempuan yang menguasai rasa malunya, sehingga boleh bertanya soalan yang berkait dengan keperempuanan. Majoritinya tidak berani bertanya kerana malu.

---

<sup>14</sup> Muhammad `Ali al-Sabuni. (1391) H. *Rawai` al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*. Juzuk Kedua. Mekah al-Mukarramah: Kulliyah al-Syaria`ah wa al-Dirasah al-Islamiyyah. 314

Contoh lain adalah hadith dari Ummu Salamah yang telah diriwayatkan dalam kitab *sahihayn*, dia berkata; Umm Sulaim (isteri Abu Talhah) datang kepada Rasulullah SAW dan bertanya; Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah tidak malu dari menyampaikan kebenaran, adakah seorang perempuan perlu mandi apabila telah bermimpi? Nabi menjawab; Ya, apabila telah melihat air. Kemudian Ummu Salamah bertanya lagi: Apakah perempuan juga bermimpi? Celaka engkau, kalau tidak begitu dengan apa anaknya boleh serupa dengannya!". (Muttafaq 'alaihi).

Maksud Rasulullah SAW bahawa janin yang dilahirkan terlahir dari air lelaki dan air perempuan. Oleh itu, anak yang lahir itu diumpamakan dengan ibunya.

Demikianlah beberapa contoh yang dialami beberapa perempuan, dimana Baginda SAW memberi kepercayaan kepada isteri-isterinya untuk menjawab soalan. Oleh itu, Sayyidah Aisyah berkata; "Allah telah merahmati perempuan-perempuan Ansar, kerana dapat menguasai rasa malunya untuk bertanya tentang hal ehwal agama".

Ada seorang perempuan dari kaum Ansar datang kepada Aisyah dalam waktu gelap untuk bertanya tentang hal ehwal agama, tentang haid, nifas, jinabah dan lain sebagainya. Maka isteri-isteri Baginda SAW adalah guru-guru perempuan terbaik bagi mereka dan dari mereka ramai perempuan pada zaman itu belajar agama.

Kemudian, seperti sedia maklum sunah Rasulullah SAW tidak terhad kepada ucapan sahaja, bahkan meliputi perkataannya, perbuatan dan ketetapanannya. Semua ini adalah syariat yang wajib diikuti oleh umatnya. Maka, siapakah yang dapat meriwayatkan segala sunnah dan perbuatan Baginda di rumah selain dari isteri-isteri beliau yang suci tersebut? Tentulah para isteri Rasulullah SAW yang menjadi ibu orang-orang mukmin, isteri-isteri Baginda yang suci di dunia dan akhirat.

Maka, tidak ada keraguan bahawa isteri-isteri Baginda yang suci adalah anugerah Allah yang paling utama dalam meriwayatkan segala hal ehwal Baginda yang berhubungkait dengan hal ehwal keluarga. Jadi, isteri-isteri Rasulullah SAW telah menjadi guru-guru, pendidik, ahli hadith sebagai hadiah dari kehadiran Rasulullah SAW disisinya, dan mereka terkenal juga dengan kekuatan hafazan, dan kecerdasannya.

Seperti yang sedia maklum bahawa diantara sebab keruntuhan moral manusia adalah kurang penghayatan agama. Pada akhir zaman ini, remaja dan dewasa telah banyak dipengaruhi oleh kehidupan moden samada dalam rumah tangga atau kehidupan harian mereka sehingga menyisihkan penghayatan agama secara berterusan. Akibatnya, banyak tindakan yang tidak terkawal dan terkeluar dari landasan Islam berlaku dengan mudah.<sup>15</sup>

Pada zaman ini, wanita lebih banyak dari lelaki. Dan ramai diantara mereka yang hidup membujang. Islam telah memberi jalan keluar dengan sistem poligami supaya

---

<sup>15</sup> Roziah Sidik, et al. (2011). *Pengajian Islam Edisi Kedua*. Selangor: Oxford Fajar SDN BHD. h. 145

kehidupan rumah tangga dapat terkawal dan seterusnya dapat memfokuskan kepada pembelajaran dan pengamalan agama.

## 6.2 *Hikmah Dakwah Dari aspek Pensyariatatan*

Termasuk hikmah dalam ini adalah bahawa poligami Rasulullah SAW bertujuan membatalkan beberapa adat jahiliah yang mungkar, seperti bid'ah anak angkat yang dilakukan orang Arab sebelum Islam, dimana anak angkat boleh mewarisi harta ayah angkatnya. Padahal itu bukan anak kandungnya, tetapi telah ditetapkan dalam tradisi jahiliah sebagai anak kandung yang boleh mewarisi dalam semua perkara; waris, talaq, perkahwinan, haram kerana persembadaan, haram dinikahi dan lain sebagainya di mana perkara ini diwarisi secara turun temurun oleh nenek moyang mereka.

Apabila ada salah seorang diantara mereka mengambil anak angkat, dia akan berkata; 'kamu adalah anakku, aku akan mewarisimu sepertimana kamu mewarisi aku'. Maka Islam datang untuk menetapkan kebatilan tersebut dan tidak membiarkan kegelapan jahiliah menguasai umat manusia, tetapi dengan perlahan. Pada masa itu, Baginda sebelum diangkat menjadi utusan oleh Allah SWT, beliau juga mengambil anak angkat iaitu Zaid bin Harithah.

Tetapi, dalam proses pengambilan anak angkat Baginda ini menyimpan satu kisah hebat dan beberapa hikmah yang telah disebutkan para ahli tafsir dan sejarah yang tidak dapat menyebutkan semuanya. Dan ketika Baginda mengambil Zaid bin Harithah sebagai anak angkat, orang-orang masa itu memanggil namanya Zaid bin Muhammad.

Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan dari Abdullah bin Umar bahawa dia berkata: 'Sesungguhnya Zaid bin Harithah budak Rasulullah SAW, kami tidak pernah memanggilnya kecuali Zaid bin Muhammad, sehingga turun al-Quran 'Panggillah mereka bagi ayah-ayah mereka, itu lebih adil di sisi Allah'. Maka, Nabi SAW berkata: 'Kamu Zaid bin Harithah bin Syurahail'.

Rasulullah SAW telah mengawinkannya dengan anak mak ciknya (Zainab binti Jahsy al-Asadiyyah). Mereka hidup dan tinggal bersama dalam beberapa masa. Tetapi, perkahwinan mereka tidak kekal, kerana buruknya hubungan keduanya iaitu Zainab melihat dirinya lebih mulia dari Zaid, kerana dia adalah budak yang masih dimiliki tuannya sebelum dijadikan anak angkat Rasulullah SAW.

Hikmahnya, Allah meminta Zaid menceraikan Zainab, kemudian Allah memerintahkan Baginda mengahwininya untuk membatalkan tradisi jahiliah bahawa bekas isteri anak angkat tidak boleh dinikahi ayah angkatnya. Perintah ini untuk menegakkan syiar Islam. Akan tetapi Baginda risau terhadap lidah para orang munafiq dan orang-orang jahat dari berbicara perkara ini: 'Muhammad telah menikahi bekas isteri anaknya', sehingga turun teguran dari Allah SWT kepada beliau, seperti disebutkan dalam firman-Nya: (Al-Ahzab ayat 37).

“..dan engkau takut kepada manusia, padahal Allah lebih berhak engkau takuti. Maka ketika Zaid telah mengakhiri keperluan terhadap istrinya (menceraikannya), Kami nikahkan engkau dengan dia (Zainab) agar tidak ada

keberatan bagi orang mukmin untuk (menikahi) istri-istri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah menyelesaikan keperluannya terhadap isterinya. Dan ketetapan Allah itu pasti terjadi”

Demikianlah berakhirnya hukum anak angkat yang dianggap sebagai anak kandung dalam tradisi jahiliah, dan dengan datangnya Islam telah menghapuskan keadaan tersebut. Dengan turunya firman Allah SWT di atas memperkuat bentuk pensyariaan yang baru.

Perkahwinan Rasulullah bersama Zainab adalah atas perintah Allah SWT, bukan untuk menyalurkan hawa nafsu dan syahwat sepertimana tuduhan orang-orang pendusta dari musuh-musuh Allah. Ianya mempunyai tujuan yang mulia iaitu membatalkan adat yang rosak.

Demikianlah salah satu hikmah poligami Rasulullah dari sudut pensyariaan, dan itu atas perintah Allah SWT. Maha Suci Allah yang menurunkan rahsia-rahsia hikmahnya yang melampaui akal dan kefahaman manusia.

### **6.3 Hikmah Dakwah Dari aspek Sosial**

Manakala hikmah yang ketiga dari poligami Rasulullah SAW adalah sosial. Ini kelihatan dari perkahwinan Baginda dengan anak Abu Bakar al-Siddiq iaitu Aisyah, kemudian dengan anak Umar al-Khattab iaitu Hafshah, kemudian hubungan pertalian dengan orang Quraish yang lain, kerana hubungan persemendaan dan nasab. Ini terjadi banyak dalam perkahwinan Baginda dengan isteri-isteri yang lain, kemudian mempererat hubungan antara kabilah dengan hubungan kepercayaan yang kuat, dan banyak hati-hati mereka menjadi lembut disebabkan kedekatan dengan Rasulullah SAW, dan mereka saling berjumpa dalam dakwah keimanan, keagungan dan kebesaran Rasulullah SAW.

Nabi SAW telah menikahi Aisyah, anak dari sahabat yang paling disayangi Rasulullah SAW, paling mampu. Dialah Abu Bakar al-Sidiq, orang yang pertama kali masuk Islam, orang yang selalu bersedia menyerahkan dirinya, nyawa dan hartanya untuk membela agama Allah, dan sentiasa disisi Baginda SAW. Beliau menanggung pelbagai cubaan dalam mempertahankan Islam, sehingga Rasulullah pernah bersabda sepertimana diriwayatkan Imam Tirmidzi – memuji keutamaan Abu Bakar:

“Tidak ada tangan seseorang disisi kami kecuali kami merasa cukup dengannya melainkan Abu Bakar. Sesungguhnya tangannya disisi kami, Allah akan mencukupkannya di hari kiamat. Tidak ada harta seseorang kecuali harta Abu Bakar yang sentiasa memberi manfaat kepadaku....seandainya aku boleh menjadikan seorang sebagai kekasih, aku akan jadikan Abu Bakar sebagai kekasihku....”

Rasulullah SAW tidak menemukan perbandingan yang sempurna untuk Abu Bakar di dunia ini, orang yang teragung yang merelakan anaknya dinikahi Baginda, dan

keduanya menjadi kerabat dan hubungan persemendaan disebabkan perkahwinan. Maka, hubungan persahabatan keduanya bertambah rapat dan terpercaya.<sup>16</sup>

Sebagaimana pernikahan Baginda dengan Hafsa binti Umar, itu menjadi penyejuk mata bagi ayahnya, dimana Islamnya, kejujurannya, keikhlasannya dalam memperjuangkan agama Allah SWT. Umar adalah pejuang yang menegakkan agama Islam dan orang-orang Islam, selalu mendahulukan perjuangan Islam daripada kepentingan peribadinya, penegak cahaya kebenaran. Maka, persahabatan bersama Baginda semakin rapat, kerana ada hubungan persemendaan. Dari sudut ini, posisi Umar sama dengan Abu Bakar disisi Baginda SAW. Perkahwinan Rasulullah dengan kedua anak sahabatnya merupakan satu anugerah bagi Abu Bakar dan Umar. Tidak ada yang lebih utama bagi keduanya melainkan dari pernikahan kedua anaknya dengan Baginda SAW.

Diantara kemuliaan yang diberikan Baginda adalah kepada sahabat Uthman bin Affan dan Ali bin Abi Talib, di mana Baginda mengawinkan kedua puterinya kepada kedua sahabat besar tersebut. Mereka berempat (Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali) adalah sahabat-sahabat yang paling agung, pengganti kepemimpinan selepas beliau wafat.

#### **6.4 Hikmah Dakwah dari aspek Politik**

Rasulullah telah menikahi beberapa perempuan dengan tujuan melembutkan hati para pemimpin dan qabilah disekeliling Nabi. Seperti sedia maklum, apabila manusia menikah dengan perempuan dari satu kabilah atau dari satu keluarga, maka akan ada hubungan kekerabatan dan persemendaan, dan secara semula jadi akan saling tolong menolong dan membela antara satu sama lain. Inilah salah satu hikmah pernikahan Baginda dengan isteri-isterinya.

Pertama, pernikahan beliau dengan Sayyidah Juwairiah binti al-Harith, pimpinan Bani Mustaliq. Juwayriyah Al-Harith adalah seorang yang dibanggakan oleh ahli keluarga dan kaumnya. Dia ingin menyerahkan dirinya kepada Baginda SAW dengan membantu dari sudut harta, kemudian Rasulullah ingin menikahi dan Juwayriyah menerimanya, maka berkahwinlah mereka berdua. Orang-orang muslim waktu itu berkata: 'Adakah Rasulullah telah menjadi keluarga kami? Selepas itu, mereka banyak memerdekakan budak yang berada dalam tanggungannya. Maka ketika kaum Bani Mustaliq melihat marwah yang baik ini, akhirnya mereka semua masuk Islam, masuk agama Allah SWT, dan menjadi orang-orang mukmin.

Maka perkahwinan baginda dengannya merupakan suatu barakah atas kaum dan ahli keluarga Juwayriyah, kerana keberadaan Rasulullah menjadi sebab atas keislaman mereka. Manakala Juwayriyah sendiri adalah perempuan yang paling dipercayai oleh kaumnya. Bahkan ketika khabar pernikahannya menjadi berita umum di kaumnya,

---

<sup>16</sup> Safiyyu al-Rahman al-Mubarakfuri. (2015). *Sirah Nabawiyah SAW*. Cetakan Ketujuh. Penterjemah: Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia. 105

ada 100 rumah lebih yang telah memerdekakan budak masa itu, sebab bergembira dengan pernikahan tokoh kepercayaannya.

Kedua, pernikahannya dengan Safiyah binti Huyay bin Akhtab yang ditahan selepas kematian suaminya pada perang Khaibar. Masa itu, Safiyah menjadi tanggungan sebahagian sahabat muslim. Seorang ahli fikir berkata: 'Safiyah ini adalah ketua Bani Quraidah, tidak layak sebarang keputusan kecuali dari Rasulullah SAW, maka mereka mengadu kepada Baginda mengenai perkara itu, dan Rasulullah memanggil dan memberi dua pilihan kepada Safiyah:

Pertama, dibebaskan dan dijadikan isteri baginda. Kedua, dibebaskan dan berjumpa dengan ahli keluarganya. Safiyah memilih yang pertama ingin menjadi isteri Rasulullah SAW. Itu kerana dia melihat pada keperibadian yang agung, baik pergaulannya pada diri Rasulullah SAW. Kemudian Safiyah pun masuk Islam dan ramai orang yang mengikutinya masuk Islam.<sup>17</sup>

Diriwayatkan ketika Safiyah berjumpa Nabi SAW, beliau bersabda; 'Ayahmu diantara orang Yahudi yang selalu menyakitiku, mengagapku sebagai musuh sehingga Allah membunuhnya', Safiyah berkata: 'sesungguhnya Allah berfirman dalam kitabnya 'tidaklah seseorang itu menanggung dosa orang lain'.

Rasulullah SAW mengatakan; 'pilihlah, jika kamu memilih Islam, aku akan menahanmu untuk diriku, jika kamu tetap memilih agama Yahudi, aku akan memerdekakanmu dan melepaskanmu. Safiyah berkata; 'Sungguh, aku ingin memeluk Islam, aku mempercayaimu sebelum kamu mengajakku ke jalanmu, aku tidak mempedulikan sejarah Yahudiku, aku sudah tidak punya orang tua dan sedara, aku telah memilih Islam selepas kekafiran, Allah dan Rasulnya lebih aku cintai dari kemerdekaan diriku'.

Ketiga, demikian juga pernikahannya dengan Ummu Habibah (Ramlah binti Abu Sufyan) yang ketika itu membawa bendera kesyirikan, diantara musuh terhebat Baginda SAW, anaknya masuk Islam ketika di Mekah, kemudian dia hijrah bersama suaminya ke Habsyah, lari kerana agamanya. Di sana suaminya meninggal dunia dan dia tinggal sendirian, tidak mempunyai pembantu dan orang yang menolongnya. Ketika Baginda SAW mengetahui keadaan Safiyah yang seperti itu, beliau mengutusnyanya ke Najasyi, raja Habsyah dan memintanya untuk menikahinya. Maka, kemudian raja Najasyi menikahinya, maka berbahagialah dia dengan kebahagiaan yang tidak dapat dilukiskan kecuali Allah sahaja yang mengetahuinya. Sebab, apabila dia kembali ke ayahnya atau keluarganya, dia akan dipaksa untuk menjadi kafir kembali atau akan menyiksanya dengan seksaan yang hebat. Raja Najasyi itu telah memberikannya mahar 400 dinar. Ketika Safiyah kembali ke Madinah, Rasulullah SAW telah menikahinya.

---

<sup>17</sup> Al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani. (2003). *Bulughul Maram*. Terjemah; Muhammad Thalib. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Dar al-Nukman. 87

Abu Sufyan sampai ke Khaibar dan diberitahu tentang pernikahan anaknya dengan Baginda SAW, dia pun merasa malu dan rendah diri kepada Rasulullah dan tidak mengingkari pernikahan tersebut, sehingga la Allah memberi hidayah kepada agama Islam.

Dari sini, tampaklah hikmah dari pernikahan Rasulullah SAW bersama dengan Safiyah, anak Abu Sufyan. Dengan pernikahan itu, menjadi sebab kurangnya orang-orang menyakiti Rasulullah SAW dan kepada sahabat-sahabatnya, terutama selepas ada hubungan kekerabatan dan persemendaan dengan Abu Sufyan. Sebab di masa itu, Abu Sufyan merupakan penentang utama Rasulullah SAW dari kaum Bani Umayyah, mereka orang yang sangat memusuhi kaum muslimin. Maka pernikahan Safiyah dengan Rasulullah SAW menjadi sebab lembutnya hati Abu Sufyan dan keluarganya, sepertimana Baginda memuliakan Safiyah dengan menikahi dirinya, sehingga menjadi lebih beriman.

## 7. Kesimpulan

Hikmah poligami Rasulullah SAW mempunyai erti penting dalam Islam. Ia memberi manfaat besar terhadap kemudahan dakwah Baginda, samada secara sosial, politik, syariah dan pendidikan.

Satu perkara juga yang perlu diberi perhatian adalah bahawa Baginda berpoligami ketika berumur 51 tahun. Ini menunjukkan bahawa beliau menikah tidak bertujuan untuk kenikmatan seksual sahaja. Beliau mempunyai matlamat yang lebih besar dari sekadar hawa nafsu. Apatahlagi, isteri-isteri beliau adalah janda yang mempunyai anak yang memerlukan perlindungan dan perhatian. Dalam poligami, Baginda telah menolong janda-janda dari aspek dakwah, pendidikan, keamanan, perlindungan dan juga kepada anak-anak isteri-isterinya.

Oleh itu, dalam kesimpulan akhir daripada perbincangan ini bahawa Nabi Muhammad SAW sebagai seorang utusan Allah SWT merupakan tauladan kepada umat Islam dalam semua aspek kehidupan.<sup>18</sup> Ini telah dinyatakan dalam al-Quran `Ali `Imran ayat 31, yang bermaksud:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ

رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

“Katakanlah: ‘jika kamu benar-benar cinta kepada Allah SWT, ikutlah aku, pasti Allah mencintaimu juga sekaligus mengampuni dosa-dosamu. Dan Allah Maha Pemaaf lagi Maha Penyayang’”

Akhir kalam, sebagai umat Nabi Muhammad, sepatutnya umat Islam perlu mencontohi akhlak dan tindakan baginda, kerana baginda manusia yang dibimbing wahyu oleh Allah SWT. Baginda bukan hanya sempurna dari aspek sifat,

---

<sup>18</sup> Annemerie Schimmel. (2000). *Dan Muhammad Adalah Utusan Allah*. Penerjemah: Rahmani Astuti, Cetakan Ketujuh. Bandung: Mizan Media Utama.hlm. 52

keperibadian, ilmu tetapi bentuk tubuh badan pun sangat sempurna. Dalam aspek ini boleh rujuk dalam karya Imam Tirmidzi yang bertajuk *Syama'il al-Naby*.<sup>19</sup>

## 8. Rujukan

Abu Salma al-Atsari. (2007). *Poligami Dihujat Jawaban Rasional Bagi Para Penghujat Syariat Dan Sunnah Para Nabi* (Online). <http://dear.to/abusalma>. Diakses 21 November 2017

Abi Daud. T.t. *Sunan Abi Daud*. Al- maktabah Al-Ashriyah. Bairut

Al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani. (2003). *Bulughul Maram*. Terjemah; Muhammad Thalib. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Dar al-Nukman.

Al-Hafiz Muhammad ibn Isa ibn Saurah al-Tirmidzi. (2015) *Kesempurnaan Rasulullah*. terj: Dato` Muhamamd Fu`ad bin Kamaluddin, cet 1. Seremban: Dar al-Sanusi.

Annemerie Schimmel. (2000). *Dan Muhammad Adalah Utusan Allah*. Penterjemah: Rahmani Astuti, Cetakan Ketujuh. Bandung: Mizan Media Utama.

Azwarfajri. (2011). *Keadilan Berpoligami dalam Persepektif Psikologi*. Jurnal Substantia, Vol. 13. No. 2.164

Fatimah Syarha. 2011. *Apakah beza hukum poligami* (Online). <http://www.fatimahsyarha.com>. Diakses pada 28 November 2017.

Hari Anggara. (2013). *Perkahwinan Poligami* (Online). UII: Yogyakarta.. <https://harianggarahamdan.wordpress.com>. Diakses pada 21 November 2017

Ibnu Kathir. (2004). *Tafsir al-Quran al-`Azim*. Jilid Kesatu. Riyadh: Dar al-Salam li al-Tasyri` wa al-Tawzi`. h. 624

Muhammad `Ali al-Sabuni. (1391 H). *Rawai` al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*. Juzuk Kedua. Mekah al-Mukarramah: Kulliyah al-Syaria`ah wa al-Dirasah al-Islamiyyah.

Muhammad Bagir al-Habsyi. (2005). *Fiqih Praktis Menurut Al-Qur'an dan as-Sunah, dan Pendapat Para Ulama*. Bandung: Mizan Media Utama.

Roziyah Sidik, et al. (2011). *Pengajian Islam*. Edisi Kedua. Selangor: Oxford Fajar SDN BHD.

---

<sup>19</sup> Al-Hafiz Muhammad ibn Isa ibn Saurah al-Tirmidzi. (t.t) *Kesempurnaan Rasulullah*. terj: Dato` Muhamamd Fu`ad bin Kamaluddin, cet 1 (Seremban: Dar al-Sanusi, 2015).

Safiyu al-Rahman al-Mubarakfuri. (2015). *Sirah Nabawiyah SAW*. Cetakan Ketujuh. Penterjemah: Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

Sri Retnaningsih, dkk. (2011). *Poligami Menurut Persepektif Islam*. Makalah. Pdf